



Sidang Pengarang

Penaung

Dato' Haji Mohd Adanan Isman
Rektor KUIS

Editor Perunding

Mohd Shah Abdullah

Wartawan

Nur Adzlin Ishak
Muhammad Fairuz Yusoff
Mohamad Fadlihissham M. Rashidi

Perunding Grafik

Mohd Baihaqi Ramli

Jurugambar

Noor Hazian Abdullah

Penerbit

Jabatan Pembangunan Korporat
& Pengantarabangsaan KUIS

Pencetak

Percetakan Selaseh Sdn. Bhd.

Segala isi kandungan di dalam percetakan ini adalah hak milik Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan/atau pemberi maklumatnya. Apa-apa jenis penggunaan yang lain termasuklah peniruan, pengubahsuaian, pengedaran, penyiaran, penerbitan semula adalah dilarang sama sekali.

Istiadat Konvokesyen ke-12

904 Pelajar Terima Skrol Ijazah dan Diploma


BANGI : Empat puluh dua graduan sulung Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Undang-undang merupakan antara 904 graduan yang bakal menerima skrol dan ijazah masing-masing dalam istiadat konvokesyen ke-12, dijadualkan 18 Julai ini.

Menteri Besar yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Tan Sri Dato' Abdul Khalid Ibrahim dijadual menyampaikan skrol ijazah dan diploma kepada graduan KUIS pada sesi pagi.

Manakala Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Dato' Setia Mohd Adzib Haji Isa dijangka menyampaikan skrol pada sesi petang istiadat konvokesyen.

Graduan lain yang bakal menerima skrol mereka ialah 345 daripada Akademi Islam, Fakulti Pengurusan dan Muamalah (259), Fakulti Teknologi dan Sains Informasi (96), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (104) dan Fakulti Sains Kejururawatan dan Kesihatan Sekutu (100).

Dalam istiadat konvokesyen kali ini lagu rasmi KUIS "Pemangkin Tradisi Ilmu" akan dikumandangkan kepada hadirin. Lagu ciptaan komposer terkenal, Mahzan Manan itu diilhamkan oleh Rektor KUIS, Dato' Haji Mohd Adanan Isman, manakala lirik asal oleh Azrina Husin, staf Pusat Teknologi Maklumat KUIS



Tan Sri Dato' Abdul Khalid Ibrahim, Pengerusi Lembaga Pengarah KUIS akan sampaikan skrol Ijazah dan Diploma.

KUIS Terima Dana Pakej Rangsangan

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dipilih antara 19 Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tempatan untuk program pembiayaan pengajian lepasan ijazah menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi ke-2.

Laporan media yang memetik Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohd Khalid Nordin, berkata bilangan yang disasarkan bagi 19 IPTS itu adalah 1,500 pelajar dengan kuota 75 pelajar bagi setiap IPTS.

Penajaan tersebut terhad kepada jumlah pembiayaan yang sama iaitu RM10,000 untuk ijazah sarjana manakala RM20,000 untuk doktor falsafah.

Antara IPTS yang terpilih ialah Universiti Tunku Abdul Rahman (Uttar Kuala Lumpur), Malaysia University of Science and Technology (MUST), Universiti Perubatan Antarabangsa, Universiti Industri Selangor (UNISEL), Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), Management and Science University (MSU),

Monash University, Malaysia, University of Nottingham Malaysia Campus, Curtin University of Technology, Swinburne University of Technology, Universiti UCSI.

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Asia Pacific University College of Technology and Innovation (APITT), Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (KLIUC), Kolej Universiti Sunway, Kolej Universiti HELP dan Binary University College of Management.

Tinta Pengarang

KUIS Lambang Institusi Pengajian Tinggi Islam Cemerlang

Majlis istiadat konvokesyen ke-12 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) adalah hari bersejarah kepada graduan yang menamatkan pengajian masing-masing. Kejayaan itu turut dikongsi ibu bapa yang telah berkorban dan sentiasa mendoakan kejayaan anak-anak mereka. Sumbangan dan jasa para pendidik pula tidak harus sama sekali dilupakan kerana telah mengasuh didik mereka sehingga berjaya ke takah tertinggi dalam proses pencarian ilmu.

Kejayaan menganjurkan istiadat konvokesyen ini sekali gus membuktikan kewibawaan KUIS memacu wibawa institusi untuk muncul sebagai sebuah institusi berdaya maju dan berdaya saing. Dalam suasana persaingan pendidikan tinggi yang terus

rancak, KUIS berusaha menampilkan sosok dan citra sebuah institusi kemegahan ummah bagi mengembalikan kegemilangan tamadun Islam. Peranan KUIS dalam menjana modal insan berkualiti bukan sekadar memenuhi kehendak pasaran pekerjaan tetapi yang lebih penting ialah melahirkan generasi berilmu, bertaqwa, berakhlak, berjaya di dunia dan cemerlang di akhirat.

Berteraskan moto "Pemangkin Tradisi Ilmu", KUIS bertekad dengan penuh iltizam memburu kecemerlangan pendidikan tinggi bersepadu menjayakan misi dan visi seiring matlamat kerajaan negeri serta Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) selaku stakeholder terpenting yang mendokong kejayaan KUIS sejak sekian lama. Di bahu

seluruh warga KUIS terletaknya tanggungjawab bagi memastikan kejayaan masa depan institusi kita agar terus perkasa dan cemerlang.

Sehingga ini, KUIS telah melahirkan lebih 5,000 graduan dalam pelbagai disiplin dan pengkhususan ilmu terbukti diterima baik dalam pasaran pekerjaan di samping keupayaan untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Ini jelas membuktikan KUIS merupakan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Islam (IPTSI) yang berdaya maju, dinamik dan berkemampuan untuk melonjak lebih jauh ke hadapan sebagai lambang institusi pengajian tinggi contoh di negara ini.

Kepada semua graduan - syabas dan tahniah.

Penerbitan Terkini KUIS : Tafsir Perbendaharaan Al-Quran (Jilid 1-3)



Permata Ilmu...Tafsir Perbendaharaan al-Quran memancarkan samudera ilmu yang terkandung di dalam kitab suci tersebut sebagai kitab hidayah dan pedoman kepada seluruh manusia. Gaya penulisan yang mudah difahami dengan metodologi penafsiran yang jitu mampu menarik perhatian khalayak pembaca.

KUIS dengan kerjasama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan ditaja sepenuhnya oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah menerbitkan Kitab Tafsir Perbendaharaan Al-Quran. Projek penerbitan Perbendaharaan al-Quran ini menelan belanja RM2.3 juta dan akan mengambil masa lima tahun bagi menafsirkan keseluruhan 30 juzuk kandungan al-Quran yang sekali gus menambah koleksi kitab tafsir dalam bahasa Melayu. Rektor KUIS, Dato' Haji Mohd Adanan Isman yang juga Pengerusi Lembaga Penyelidikan dan Penulisan Perbendaharaan al-Quran telah menerbitkan 3 jilid yang mengandungi kupasan terperinci surah al-Fatihah dan al-Baqarah, di samping membicarakan pengenalan kitab suci al-Quran, ilmu tafsir dan kaedah penulisan tafsir. Kitab tafsir Perbendaharaan Al-Quran jilid pertama telah disempurnakan pelancarannya oleh DYMM Sultan Selangor, di masjid As-Salam, Puchong Perdana, Petaling pada 16 September 2008 bersempena majlis sambutan Nuzul Quran dan berbuka puasa. Kitab Tafsir Perbendaharaan ini dijual pada harga RM50 dan boleh diperolehi di pejabat Bendahari KUIS di talian 03-89254251.

Fakta KUIS

Penubuhan :	Mac 1995
Keluasan Kampus :	104 ekar
Jumlah pelajar pada 1995 :	61 orang
Jumlah pelajar kini :	6,660 orang
Jumlah pelajar antarabangsa :	186 orang
Negara pelajar antarabangsa :	14 negara
Jumlah graduan sehingga kini :	5,968 orang
Jumlah Kakitangan :	463 orang
Jumlah Program :	
Sarjana : 1	
Sarjana Muda : 13	
Diploma : 23	
Asasi : 5	
Keseluruhan : 42	
Jumlah Pusat Pengajian :	
1 Akademi	
5 Fakulti	
3 Pusat Pengajian	
Rakan Akademik (MoU):	48

PROGRAM MBA KUIS JANA PROFESIONAL MUSLIM

Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan MBA (Muamalah) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang ditawarkan sejak sesi akademik 2008 mampu melahirkan tenaga mahir dan profesional dalam bidang perbankan dan kewangan Islam.

Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Dr Ahmad Fauzi Idris, berkata program tersebut menampilkan keunikan kerana ia menggabungkan kursus Perbankan dan Kewangan Islam, Takaful dan Perancangan Kewangan Islam dan Pengurusan.

Penawaran program itu juga selaras keperluan tenaga kerja, terutama dalam sektor kewangan Islam.

Dr Fauzi berkata, hasrat negara untuk menjadi hab produk kewangan Islam turut menjadikan program MBA pilihan terbaik bagi mereka yang berminat untuk menceburi bidang perbankan dan kewangan Islam.

Menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi ke-2 yang diumumkan Menteri Pengajian Tinggi baru-baru ini, pelajar-pelajar yang mengikuti program MBA ini bakal menikmati pembiayaan pengajian sehingga RM10,000.



Sektor perbankan dan kewangan Islam berkembang pesat dengan Malaysia diakui sebagai peneraju terpenting produk dan perkhidmatan berkaitan.

Modul pembelajaran yang fleksibel dan yuran pengajian yang berpatutan ini memberi peluang kepada kakitangan yang bekerja untuk mengikuti program ini secara separuh masa selama dua tahun atau enam semester. Manakala bagi program sepenuh masa pula hanya setahun atau tiga semester sahaja.

Program MBA-Muamalah itu turut menengahkan isu-isu semasa berkaitan dengan Perbankan dan Kewangan Islam, Takaful dan Perancangan Kewangan Islam serta Pengurusan Risiko. Selain itu, isu-isu seperti keusahawanan, ekonomi semasa, domestik dan global serta perkembangan bidang pengurusan turut dikupas.

Lagu Rasmi KUIS

"Pemangkin Tradisi Ilmu" "قمعكين تراديسي علمو"

Indahnya Pandangan Di Mata	ايندهيا فنداغن دما تا
Halaman Wadah Menabur Jasa	هلا من وا ده منا بور جاسا
Mambangun Wawasan Mulia	مباغون واواسن موليا
Di Bawah Payung Mahkota	دباوه قايرغ مهكوتا
Ayuhlah Sematkan Semangat	ايوهله سمتكن سما عت
Pemangkin Tradisi Ilmu	قمعكين تراديسي علمو
Menggilap Permata Bangsa	مغكليف فرماتا بغسا
Kemilau Seluruh Alam	كميلاو سلوروه عالم
Menyepadu Ilmu dan Amal	ميشادو علمو دان عمل
Berpaksi Iman Yang Kental	برفقسي ايمان يغ كتنتل
Berbekal Jiwa Perkasa	بربكل جيووا فركاسا
Meniti Arus Perdana	مني تي اروس فردانا
Teknologi Ilmu Terkini	تيكنولوجي علمو تركيني
Kreatif Diri, Berinovasi	كرياتيف دير ي براينوواسي
Menggapai Bintang Di Angkasa	مغكافاي بينتغ داغكاسا
Universiti Terus Berjaya	يونيبيرسي تي تروس برجايا

Lirik : Dato' Haji Mohd Adnan Isman
Ciptaan : Mahzan Manan

ليريك : داتوه حاج محمد عدنان اسمان
جيشانان : محزن منان

Projek KUIS-Redha Resources

Kolej Kediaman Tampung 8,000 Pelajar

Menjelang akhir 2009, kampus induk KUIS dijangka mampu menempatkan hampir 8,000 pelajar apabila bangunan asrama siap sepenuhnya. Bangunan asrama yang dikendalikan pihak Redha Resources menerusi projek 'Built-Operate-Transfer' (BOT) telah siap fasa pertama pada sesi kemasukan Mei 2008. Menerusi fasa pertama itu, lima blok asrama mampu menempatkan kira-kira 2,500 orang pelajar siswi manakala asrama siswa pula berupaya memuatkan sehingga 4,000 orang apabila siap keseluruhan bangunan pada bulan September depan. Projek BOT bernilai RM125 juta itu turut dilengkapi Pusat Kemudahan Pelajar termasuk kafeteria, dewan bankuasi, kedai buku dan koperasi.



Projek Kolej Kediaman yang dibina oleh syarikat Redha Resources menerusi konsep Built, Operate and Transfer (B.O.T.) membantu menyelesaikan isu kediaman pelajar.

Lensa Aktiviti KUIS



Profesor Dr Rujhan Mustafa, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Kementerian Pengajian Tinggi melancarkan Pusat Kecemerlangan KUIS (COE) dan Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam pada 26 Mei, 2009 di Auditorium KUIS.



Peserta pertandingan karom menguji kecekapan mereka dalam karnival sukan melibatkan anak-anak syarikat MAIS termasuk KUIS, Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan MAIS Corporation.



SATU HATI...Kumpulan pelajar antarabangsa dari Somalia menyampaikan persembahan pada majlis Makan Malam Pelajar Antarabangsa, di Dewan Bankuasi KUIS-Redha Resources pada 20 Jun lalu.



TA'AWUN...semangat kerjasama dan esprit de' corp di kalangan warga KUIS terpancar sempena program Gotong Royong Perdana 5S, pada 1 April 2009.



Kunjungan muhibah Walikota Banjar, Bandung bergambar kenangan dalam lawatan rasmi ke KUIS pada 20 Mei, 2009.



Dua puluh pelajar taranum al-Quran dari Republik Maldives mengikuti kursus selama sebulan di KUIS yang dibimbing Ustaz Mohd Rozie Rejab, bermula 6 Julai, 2009.

Perjanjian Persefahaman Akademik KUIS dengan Institusi Dalam dan Luar Negara



Encik Shaheem Ali, Menteri Hal Ehwal Islam Republik Maldives dan Dato' Haji Mohd Adnan Isman, Rektor KUIS menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dua hala bagi kerjasama pendidikan tinggi, dakwah dan pembangunan modal insan di Paradise Resort, Male, pada 23 Mac, 2009.



Bersejarah...Rektor KUIS menandatangani MoU dengan wakil-wakil institusi pengajian tinggi luar negara melibatkan Academy Of Banking, (Kazakhstan) Islamic University of Europe (Turkey), Universitas Andalas, Universitas Yarsi, Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta dan Institut Studi Islam Darussalam Gontor (Indonesia).



Memorandum Perjanjian Kerjasama (MoU) antara KUIS dan Markfield Institute of Higher Education (MIHE), United Kingdom dimeterai bagi memulakan kerjasama akademik dalam menjayakan program "Split PhD". Kelihatan di sebelah Rektor KUIS ialah Dr Menazir Ahsan, Rektor MIHE.



Dr Keith Brown, Director Centre for International Development, Teeside University, UK menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan KUIS bagi program akademik.



Dato' Mohd Khusrin Munawi, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menandatangani MoU dengan Rektor KUIS bagi penghantaran warga pendidik JAIS menyambung pengajian ke peringkat diploma di KUIS.



Encik Yusuf C.W. Yu, Pengetua Islamic Kasim Tuet Memorial College bertukar dokumen MoU dengan Encik Mohd Shah Abdullah, Timbalan Rektor (Korporat & Pengantarabangsaan) KUIS selepas menandatangani perjanjian bagi kerjasama akademik di kolej tersebut, Hong Kong pada 1 Jun 2009.

KUIS JOHAN EKSPEDISI BERAKIT ANTARABANGSA SUNGAI PAHANG 2009

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) melakar sejarah apabila berjaya meraih johan keseluruhan Ekspedisi Berakit Antarabangsa Sungai Pahang 2009 peringkat IPTA dan IPTS pada 24 hingga 28 Mei 2009.

Kontinjen KUIS yang diwakili oleh sepuluh mahasiswa dan tiga staff berjaya mengalahkan lebih 29 IPTA dan IPTS lain yang turut mengambil bahagian. Acara yang berlangsung selama 5 hari 4 malam itu melibatkan empat buah daerah utama di negeri Pahang iaitu Temerloh, Bera, Maran, Pekan dan sebanyak 4 buah kampung di pinggir sungai Pahang dijadikan tempat hentian dan singgahan.

Ketua pasukan, Mohd Nor Azam Mohd Zainal berkata, ekspedisi itu amat mencabar sekali gus menguji ketahanan fizikal dan mental peserta kerana jarak yang perlu ditamatkan ialah sejauh 182 km dan peserta perlu konsisten dalam kayuhan bagi mendapat kelajuan rakit yang optimum.

Katanya, walaupun saingan sengit lebih daripada 29 kontinjen lain, semangat tinggi dan tidak berputus asa yang ditunjukkan akhirnya kontinjen kita berjaya merangkul piala utama



Timbalan Rektor Akademik dan Pembangunan Mahasiswa, Haji Mohd Khairi Husin bersama anggota pasukan KUIS selepas muncul johan ekspedisi berakit Sungai Pahang.

iaitu piala Anugerah Mat Kilau dan wang tunai RM 1500 yang disampaikan oleh Tengku Mahkota Pahang.


MENARA JATI DIRI SEMARAK AKTIVITI PELAJAR

Pastinya ramai warga KUIS yang sudah tahu kewujudannya di nun seberang tasik KUIS. Menara 5 tingkat betul-betul di tepian tasik itu sudah siap sepenuhnya dan akan digelar Menara Jati Diri apabila dirasmikan pada hari konvokesyen KUIS kedua belas kelak.

Menara yang berketinggian 60 meter itu merupakan projek terbaru KUIS dan dijangka menyemarakkan lagi aktiviti kokurikulum mahasiswa KUIS. Siap dibina pada Jun 2009 sudah pastilah aktiviti utama dan paling mencabar ialah *flying fox* yang pelantarnya

terletak di tingkat lima menara tersebut. Pada ketinggian 60 meter dan kabelnya yang merentasi tasik KUIS sejauh 213 meter sudah pasti memberi pengalaman yang 'menguji' kepada sesiapa yang menaikinya.

Selain itu, di tingkat 4 menara tersebut pelajar juga boleh melakukan aktiviti lasak lain seperti *abseiling* dan *repelling*. Menara tersebut akan dikawal selia oleh Jabatan Pembangunan Mahasiswa dan pengurusan teknikalnya pula dijalankan oleh konsultan bertauliah yang akan dipilih.



Menara Jati Diri... gelanggang perkasa minda dan ketahanan diri beri manfaat semua pelajar KUIS.

MY JAWI GAMES BUKTI KUIS SERIUS MARTABATKAN TULISAN JAWI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) melakar kejayaan dengan penghasilan permainan komputer berasaskan tulisan Jawi yang dinamakan 'My Jawi Games'.

Dicipta oleh pensyarah di Fakulti Teknologi dan Sains Informasi KUIS, Noor Azli Mohamed Masrop, 37, permainan ini boleh dikategorikan sebagai satu aplikasi 'mobile learning' atau kaedah pembelajaran cara mudah alih.

Pada Pameran Penciptaan, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-20 (20th International Invention, Innovation and Technology Exhibition - ITEX 2009) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dari 15 hingga 17 Mei lepas, My Jawi Games memenangi Anugerah Pingat Emas.

Pameran itu melibatkan penyertaan institusi pengajian tinggi, pertubuhan, syarikat dan individu dari dalam dan luar negara.

(dipetik dari *bernama.com*)



Noor Azli Mohamed Masrop bersama CD permainan ciptaannya (kiri) dan anugerah yang dimenangi (kanan).

ANWAR GESA PELAJAR BUGAR BUDAYA ILMU

BANGI : Dato' Seri Anwar Ibrahim meminta generasi pelajar membugar kecintaan terhadap budaya ilmu dengan menanam tabiat gemar membaca dan membabitkan diri dalam perbahasan wacana ilmu.

Menurutnya, generasi pelajar khususnya di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) perlu mendedahkan diri terhadap karya-karya penting dan bacaan bermutu di samping peka terhadap perkembangan semasa di sekeliling mereka yang pantas berubah.

Memetik ungkapan lazzatul ma'rifah atau kelazatan terhadap ilmu, Anwar yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh berharap generasi muda sentiasa berusaha menggilap diri dan keperibadian dengan wacana ilmu yang segar, memelihara sahsiah dan keperibadian yang mulia.

Antara karya besar yang disentuh oleh beliau dan perlu dibaca oleh pelajar termasuk oleh Almarhum Muhammad al-Ghazzali (Minhuna Na'lam atau Our Beginning in Wisdom yang menjawab secara intelektual karya Khalid Muhammad Khalid Minhuna Nab'da atau From Here We Begin), Ali Syariati (antara

karyanya ialah Hajj dan Islam and Other Western Fallacies).

Beliau turut menyorot karya Almarhum Ismail Raqi al-Faruqi, bekas sarjana ulung kelahiran Palestin yang syahid terbunuh di Amerika Syarikat dalam tahun 1980an. Antara karya penting al-Faruqi termasuk Islamization of Knowledge, Islam and Culture dan Atlas Budaya Islam (diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka).

"Universiti merupakan gedung ilmu dan kita mesti mengangkat mutu pendidikan tinggi di negara kita dan di KUIS sendiri.

"Kita juga mesti sentiasa terbuka untuk mendengar semua pandangan termasuk daripada pihak yang berbeza dengan kita," katanya ketika menyampaikan pidato perdana tertutup bertajuk Islam, Generasi Muda dan Perubahan di Pusat Konvensyen KUIS pada 23 Jun, yang lalu.

Hadir sama Setiausaha Politik Menteri Besar, Nik Nazmi Nik Ahmad yang mewakili Menteri Besar Selangor, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Caves, Amiruddin Shaari,



BERKONGSI ILMU... Anwar Ibrahim berpidato di depan pemimpin mahasiswa dan pelajar KUIS.

pengurusan KUIS, pemimpin mahasiswa serta lebih 4,000 pelajar KUIS.

Anwar yang gembira dapat berinteraksi bersama pemimpin mahasiswa dan pelajar KUIS berharap tenaga pengajar di kalangan pensyarah pula harus pintar untuk mendidik pelajar dan memberi ruang kepada mereka untuk berfikir secara kritis dan terbuka.

Beliau turut mengupas ayat ke-12 dalam surah al-Kahfi mengenai kisah Pemuda Gua yang cecal dan istiqamah melarikan diri bersembunyi di dalam gua untuk mempertahankan akidah semata-mata tidak mahu bersekongkol dengan kezaliman.

Sebelum mengakhiri ceramah, Anwar turut menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh pelajar KUIS.

KUIS EJEN SAHAM WAQAF SELANGOR



Ilustrasi grafik projek perpustakaan KUIS akan dibina menerusi skim saham waqaf Selangor inisiatif Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Perpustakaan adalah nadi pembangunan akademik, penyelidikan dan inovasi melambangkan tradisi ilmu dan intelektual sesebuah pusat pengajian tinggi. Bayt-al-Hikmah pada zaman kerajaan Abbasiyyah (750M-1258M) merupakan perpustakaan terunggul dalam tradisi keemasan Islam.

KUIS dilantik sebagai ejen rasmi saham waqaf Selangor bagi projek membangunkan pembinaan perpustakaan KUIS bernilai RM30 juta. Lantikan tersebut yang telah diluluskan menerusi jawatankuasa waqaf MAIS bersetuju untuk membangunkan perpustakaan KUIS di atas tanah MAIS menerusi dana tersebut. Penyumbang skim waqaf berpeluang menikmati pengecualian cukai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dengan mengemukakan resit sumbangan yang dikeluarkan pihak KUIS. Segala sumbangan boleh dihantar terus kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) atau menghubungi ejen berdaftar, iaitu Mohd Rodzie Mohd Rejab, Nur Adzlin Ishak dan Hasim Abdullah. Mereka boleh dihubungi di talian 03-89254251 atau info@kuis.edu.my